

SOALAN NO: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH: 18 MEI 2016

SOALAN:

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan yang ada untuk meningkatkan kapasiti Institut Latihan Perindustrian Labuan bagi membolehkan ianya mengambil lebih ramai pelajar-pelajar dari luar Labuan dan sekaligus membantu merealisasikan Labuan sebagai hab pendidikan.

PR-1342-L74912

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Buat masa ini, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan menawarkan kursus Teknologi Kimpalan Arka dan Gas, Teknologi Pemesinan Am, Teknologi Binaan (Berasaskan Kayu), Teknologi Binaan (Bangunan), Teknologi Binaan (Paip & Sanitari), Teknologi Mekanik Industri, Teknologi Automotif, Teknologi Komputer (Sistem), Teknologi Elektrik dan Teknologi Penyejukan Dan Penyamanan Udara.
2. Sejak tahun 2015, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dibawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) melaksanakan transformasi program latihan di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Transformasi program latihan ini membolehkan institut memberi perhatian kepada kursus-kursus yang mempunyai permintaan yang tinggi mengikut kehendak industri setempat seterusnya dapat mempersiapkan modal insan dengan menguasai kemahiran teknikal untuk industri berkaitan.
3. Dalam program transformasi ini, atas permintaan yang tinggi dalam industri minyak dan gas, ILP Labuan juga menjalankan program khas untuk oil dan gas iaitu Sijil Juruteknik Minyak & Gas (*Mechanical Plant Downstream*). ILP Labuan akan menawarkan kursus yang menjurus kepada industri minyak dan gas iaitu Teknologi Komputer Sistem, Teknologi Kimpalan, Teknologi Pembuatan

(Pemesinan), Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal, Teknologi Penyelenggaraan Bangunan dan Fasilitas, Teknologi Minyak & Gas – Elektrikal (*Plant/downstream*) dan Teknologi Minyak & Gas-Mekanikal dengan peningkatan kapasitas dari 530 kepada 650 orang.

4. Oleh itu, bagi mempersiapkan modal insan dengan kekompetenan yang tinggi, ILP Labuan akan menjalankan program transformasi yang telah dirancang oleh JTM untuk memperkasakan program latihan, seterusnya dapat menghasilkan graduan yang menepati keperluan industri.